

Langkah berjimat cermat PM terbukti

um - 11/2/2007

KUALA LUMPUR 10 Feb. - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik menyifatkan langkah berjimat cermat yang dilaksanakan oleh kepimpinan sekarang merupakan tindakan yang betul ke arah meningkatkan ekonomi negara.

Menurutnya, sepanjang 21 tahun beliau berada dalam Kabinet inilah kali pertama kerajaan melaksanakan langkah sedemikian secara bersungguh-sungguh dan ia terbukti telah membuahkan hasil.

Katanya, ia terbukti apabila jumlah dagangan sebanyak RM1.069 trilion dicapai pada tahun lalu berikutan meningkatnya keyakinan pelabur asing dan tempatan terhadap dasar berjimat cermat yang dilaksanakan kerajaan.

Dasar itu jelas beliau, termasuklah berbelanja hanya apabila mempunyai wang, melaksanakan langkah bagi mengurangkan hutang negara serta menggalakkan kemasukan lebih banyak pelabur asing menerusi liberalisasi pasaran.

"Saya telah berada dalam kerajaan selama 21 tahun dan dapat melihat sesuatu yang mungkin orang ramai tidak menghargainya iaitu langkah berjimat cermat Perdana Menteri sehingga membolehkan ekonomi negara berada pada landasan kukuh dan dijangka berkembang pesat seperti pada tahun 1993 dan 1994.

"Langkah meningkatkan daya saing dengan memperbaiki sistem penyampaian dan mengurangkan kerenah birokrasi menyebabkan kita tidak perlu lagi bergantung kepada kos buruh dan tanah yang murah untuk bersaing dengan China, India dan Vietnam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) Gerakan di sini, hari ini.

Menurut Keng Yaik, para penganalisis ekonomi yang menjadi penasihat parti itu juga menyatakan keyakinan bahawa keadaan ekonomi negara akan terus berkembang dengan menyaksikan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), penambahan rizab negara dan lonjakan harga-harga saham di Bursa Malaysia.